



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2020**

**LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN *CORONAVIRUS DISEASES 2019* (COVID-19) SELEPAS PENGUMUMAN KHAS YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA PADA 16 MAC 2020**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 berdasarkan pengumuman khas oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020. Pengumuman khas YAB Perdana Menteri Malaysia telah memaklumkan bahawa, Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
2. Semua warga UMK diminta mematuhi arahan-arahan berikut:

**a) Penutupan Sementara Operasi Semua Kampus UMK**

Semua operasi kampus UMK iaitu UMK Bachok, UMK Kampus Kota dan UMK Kampus Jeli serta Pejabat Pentadbiran UMK Kuala Lumpur **DITUTUP SEPENUHNYA** untuk sebarang urusan mulai **18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020**.

Sehubungan itu, semua aktiviti universiti termasuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran/ kokurikulum/ mesyuarat/ latihan/ bengkel/ seminar/ konferensi/ lawatan akademik/ sukan/ khidmat masyarakat **DITANGGUHKAN**.

Semua staf perlu berada di rumah kediaman masing-masing dan mematuhi arahan serta Perintah Kawalan Pergerakan oleh pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, atas kepentingan perkhidmatan, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) boleh meminta staf melaksanakan kerja dari rumah atau hadir ke pejabat. Bagi keperluan untuk hadir ke pejabat, Ketua PTj hendaklah mengeluarkan arahan secara rasmi melalui surat atau emel kepada staf dan perlu dimaklumkan kepada Bahagian Keselamatan.

**b) Keberadaan Pelajar di Kampus dan Latihan Industri**

Semua pelajar diminta pulang dan perlu berada di rumah masing-masing sepertimana arahan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan. Bagi pelajar yang tidak dapat pulang atas halangan yang munasabah, perlu **SEGERA** melapor diri kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang akan menguruskan penempatan dan hal ehwal yang berkaitan.

Bagi pelajar yang sedang menjalani latihan industri juga perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia serta garis panduan yang dikeluarkan oleh majikan masing-masing.

Urusan kebajikan pelajar yang berada di dalam kampus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini akan diuruskan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

**c) Laluan Masuk Dihadkan Kepada Satu Laluan Bagi Semua Kampus**

Laluan pintu masuk bagi semua kampus UMK dihadkan kepada satu laluan utama sahaja. Warga UMK atau pelawat yang mempunyai kebenaran untuk memasuki kampus dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini perlu melapor diri dan menjalani pemeriksaan keselamatan/ penyaringan kesihatan di *checkpoint* berdekatan pintu masuk.

**d) Arahan Bertugas Bagi Perkhidmatan Kritikal**

Semua staf yang dikategorikan di bawah perkhidmatan kritikal iaitu Pusat Kesihatan Universiti dan Bahagian Keselamatan perlu bertugas seperti biasa mengikut jadual dan arahan yang akan dikeluarkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

**e) Pindaan Tarikh Cuti Pertengahan Semester**

Pihak Universiti telah memutuskan untuk meminda cuti pertengahan semester dari 3 April 2020 hingga 11 April 2020 kepada 18 Mac 2020 hingga 4 April 2020. Kelas akan bermula pada 5 April 2020.

**f) Solat Jumaat/ Solat Fardu di Masjid/ Pusat Islam/ Surau UMK**

Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di Masjid, Pusat Islam dan Surau UMK termasuk Solat Jumaat bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Jabatan Perdana Menteri.

3. Semua warga UMK dipohon mengambil maklum mengenai pekelling ini serta sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.
4. Semua warga UMK juga diminta untuk sentiasa mengambil cakna sebarang pemberitahuan oleh pihak universiti yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui emel, portal serta media sosial rasmi universiti.
5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Keselamatan di talian berikut:

UMK Bachok : 09-7797376 / 09-7797480

Kampus Kota : 09-7717080/ 09-7717083

Kampus Jeli : 09-9477274/ 09-9477205

6. Pengurusan UMK mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas kesihatan dan keselamatan, staf, pelajar dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menghadapi krisis ini.
7. Pengurusan UMK juga menyeru agar warga UMK mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan semua dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
8. Pekelling ini berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**MAZULA BINTI SABUDIN**  
Pendaftar

17 MAC 2020

s.k

- Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
- Fail Edaran